

200 sertai WICULS 2015 anjuran USIM, AKEPT

Bandar Baru Nilai: Lebih 200 pemimpin tertinggi universiti dari seluruh dunia akan menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin Universiti Negara Islam Dunia (WICULS 2015) di Hotel Marriot Putrajaya, Selasa ini.

Persidangan dua hari anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) Kementerian Pendidikan itu, bertemakan 'Menulis Semula Naratif: Pendidikan Tinggi pada Abad ke-21'.

Pengarah Pusat Antarabangsa USIM 'Alamiyyah, Prof Dr Roshada Hashim, berkata acara yang pertama kali dianjurkan itu disertai pemimpin universiti Islam dari banyak negara, termasuk Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Filipina, Sudan, Nigeria dan Jordan.

"Acara ini menjadi platform untuk mereka berkumpul dan berbincang mengenai landskap pendidikan tinggi dunia yang berkembang pesat serta

“
Acara ini menjadi platform untuk mereka berkumpul dan berbincang mengenai landskap pendidikan tinggi dunia yang berkembang pesat”

Dr Roshada Hashim,
Pengarah Pusat
Antarabangsa USIM
'Alamiyyah

memerlukan mereka bertindak balas secara proaktif selaras perubahan.

Bincang isu pendidikan

"Antara pengisiannya, mereka akan membincangkan pelbagai isu penting berkaitan sistem pendidi-

kan tinggi dalam usaha untuk membangunkan naratif pendidikan baharu bagi berdepan cabaran pengajian tinggi global," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, dijangka menyampaikan ucapan bertajuk 'Mengembalikan Semula Pendidikan Di Universiti Islam Pada Abad ke-21', pada Selasa ini.

Mengulas lanjut, Roshada berkata, WICULS 2015 memberi penekanan kepada tiga aspek utama iaitu kepentingan akses dan ekuiti dalam pendidikan, kaitan budaya dan etika serta kelestarian pendidikan bagi universiti Islam di seluruh dunia.

Katanya, universiti di negara Islam perlu memainkan peranan lebih dinamik dalam penawaran pendidikan dan usaha membawa keamanan bagi masyarakat Islam dunia melalui perjanjian serta persefahaman pada peringkat antarabangsa.